

**NO. SOALAN : 124**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**RUJUKAN : 6936**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah taraf warganegara bagi mereka yang sudah menetap terlalu lama di luar negara perlu dikekalkan ataupun ditarik balik dan berapakah jumlah warganegara Malaysia yang telah menetap di luar negara selama lebih daripada 10 tahun**

**JAWAPAN :**

Perkara 25(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kepada Kerajaan Persekutuan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasi jika berpuas hati bahawa orang itu biasanya bermastautin di negara-negara di luar Persekutuan bagi tempoh terus-menerus selama lima tahun dan dalam tempoh itu orang itu—

- (a) tidak pernah pada bila-bila masa berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau dalam perkhidmatan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan; dan juga
- (b) tidak mendaftarkan tiap-tiap tahun di konsulat Persekutuan niatnya hendak mengekalkan kewarganegaraannya:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tempoh kemastautinan di mana-mana negara Komanwel sebelum permulaan bulan Januari 1977.

Manakala bagi individu yang memperolehi kewarganegaraan Malaysia secara kuatkuasa undang-undang pula, tindakan pelucutan boleh diambil ke atasnya sekiranya individu tersebut

**didapati telah memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan asing selaras dengan undang-undang yang termaktub di bawah Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan.** Oleh itu, tertakluk kepada siasatan pihak berkuasa dan bukti yang kukuh, tindakan pelucutan boleh diambil ke atas seseorang berdasarkan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di atas.

Turut dimaklumkan bahawa Kementerian ini juga tidak merekodkan data mengenai jumlah warganegara Malaysia yang telah menetap di luar negara selama lebih daripada 10 tahun. Oleh itu, perkara ini boleh dirujuk kepada Kementerian dan Agensi yang berkenaan juar.